

Usah ulangi ketirisan

■ Masyarakat letak harapan tinggi terhadap PNB: Tun Mahathir

Aizat Sharif dan
Nor Farhani Che Ad
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

Permodalan Nasional Berhad (PNB) diharap tidak mengulangi ketirisan serta penyelewengan yang berlaku kepada institusi pelaburan dan ekonomi di negara ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, PNB sebagai pengurus dana membangunkan dana ekonomi rakyat Malaysia yang berusia 40 tahun memegang tanggungjawab besar terutama dalam membawa pelaburan kompetitif kepada pelaburnya.

“Tanggungjawab PNB amat berat kerana PNB mendukung aspirasi dan harapan pelabur yang mengharap pulangan pelaburan yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.

“Jangan terleka dan ambil mudah tanggungjawab dan amanah ini...jangan salah guna kuasa, kelonggaran tadbir urus, kemerosotan integriti, penyelewengan dan



DR Mahathir menyampaikan ucapan perasmian menerusi rakaman video pada Majlis Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), semalam.

ketirisan seperti yang berlaku di institusi lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan rakaman ucapan Majlis Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) di Amanjaya, semalam.

Katanya, keyakinan masyarakat bandar dan luar bandar yang banyak melabu-

bur dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN) perlu diteruskan.

“Campur tangan kerajaan bagi menyelamatkan institusi tertentu bukan penyelesaian kerana imej yang tercalar tidak mudah diperbaiki.

“Keyakinan rakyat yang juga pelabur tidak mudah dikembalikan dan maruah

bangsa akan tercalar selamanya,” katanya.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Tan Sri Dr Zeti Aziz dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif PNB Datuk Abdul Rahman Ahmad.